

23 FEB 2001

Abdullah-BPR

BPR BOLEH AMBIL TINDAKAN JIKA BERLAKU POLITIK WANG

SERDANG, 23 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Badan Pencegah Rasuah (BPR) boleh mengambil tindakan jika ia mengesyaki berlaku politik wang atau unsur-unsur rasuah semasa pemilihan peringkat cawangan dan bahagian Umno yang bermula bulan depan.

Katanya kalau berlaku apa-apa yang mewajarkan pihak BPR mengambil tindakan, ia boleh berbuat demikian tetapi keadaan pada waktu ini adalah terkawal.

"BPR boleh mengambil tindakan, misalnya jika wang yang digunakan melibatkan rasuah atau beri wang yang datang dari punca-punca yang menimbulkan syak," katanya ketika ditanya sama ada BPR akan diminta mengawasi kegiatan politik wang semasa pemilihan parti pada peringkat cawangan dan bahagian.

Abdullah, yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata etika pemilihan parti sudah memadai kerana ia turut menyebut tentang penghalangan penggunaan politik wang atau membeli undi semasa pemilihan parti.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melakukan lawatan kerja ke Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini. Di UPM beliau mengadakan majlis dialog bersama pegawai-pegawai universiti itu sebelum merasmikan Stadium UPM.

Majlis Tertinggi Umno pada mesyuaratnya semalam bersetuju dengan cadangan Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno yang dipengerusikan Abdullah supaya tata etika pemilihan parti menggunakan tata etika pemilihan yang sedia ada dengan sedikit pindaan.

Kod Etika Perilaku Pemilihan Umno sedia ada telah diedarkan kepada 165 bahagian menjelang pemilihan parti, Mei tahun lalu.

Abdullah berharap etika itu dipatuhi kerana Umno dari awal-awal lagi telah menyatakan politik wang tidak baik untuk parti dan untuk masa depan Umno.

Mengenai pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan ketua-ketua bahagian Umno di Putrajaya semalam, Abdullah berkata Presiden Umno itu menerangkan isu-isu semasa yang ada hubung kait dengan cadangan pertemuan Umno-PAS.

Ditanya mengenai kenyataan Presiden PAS Datuk Fadzil Noor bahawa parti itu tetap mahu tiga tuntutan terbarunya dipenuhi sebelum pertemuan itu boleh diadakan, Abdullah berkata beliau menyerahkan kepada Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob untuk menyelesaikan perkara berbangkit dengan rakan sejawatannya dari PAS.

-- BERNAMA

AR ZS RON